

Oktober/November 1990

PLG 412 - Kaedah Mengajar Matematik III

Masa : [2 jam]

Jawab SEMUA soalan.

1. [a] Huraikan secara ringkas perbezaan utama antara matematik KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) dan matematik KLSM (Kurikulum Lama Sekolah Menengah) dengan merujuk kepada:

- (i) Falsafah
- (ii) Tujuan
- (iii) Pendekatan
- (iv) Isi kandungan

[20 markah]

- [b] Nyatakan dua jenis nilai murni, dan berikan sebab-sebabnya mengapa nilai-nilai murni tersebut sangat baik dipupuk di dalam konteks pengajaran dan pembelajaran matematik di sekolah. Terangkan secara spesifik cara-cara mengajar untuk memupuk nilai-nilai murni yang diberikan itu di kalangan murid-murid.

[14 markah]

2. [a] Nyatakan tiga sebab utama mengapa matematik KBSM begitu banyak mementingkan kemahiran penyelesaian masalah?

[12 markah]

- [b] Terangkan, dengan menggunakan masalah yang diberi berikut, bagaimana anda akan membimbing murid-murid menyelesaikan masalah itu mengikut kaedah Polya:

Cari satu titik supaya titik-titik $(-3, -1)$, $(1, -2)$, dan $(5, 1)$ menjadi bucu-bucu sebuah segiempat selari.

[15 markah]

...2/-

[c] Bincangkan secara ringkas faktor-faktor utama yang mungkin mempengaruhi keberkesanan bimbingan anda seperti yang diterangkan dalam 2(b):

[15 markah]

3. Terangkan secara ringkas interaksi antara bahasa biasa dan bahasa matematik dan kesan-kesannya atas pembelajaran matematik di kalangan murid-murid dengan merujuk kepada

- (i) konsep
- (ii) kemahiran
- (iii) penyelesaian masalah

[24 markah]

oooOooo